

Media Permata Sejak 1995

Jilid: MP25/140 • Rabu, 21 Disember 2022 / 27 Jamadilawal 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:45AM • SUBUH 4:55AM • SYURUK 6:25AM • DOHA 6:47AM • ZOHOR 12:55PM • ASAR 3:41PM • MAGHRIB 6:13PM • ISYAK 7:28PM • TAMBAH 5 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG



Pelajar PPHT UNISSA menerangkan mengenai aktiviti *Halal Awareness Games* semasa ekspo berkenaan.

Oleh salawati Haji Yahya
Gambar Serahan UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 DIS – Bersempena dengan Ekspo Produk Tempatan 2022, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) telah mengadakan aktiviti *Halal Awareness Games* baru-baru ini di Dewan 2 BRIDEX, Jerudong.

Aktiviti berkenaan dikendalikan oleh penolong pensyarah sambilan, Dayang

Nor Surilawana binti Haji Sulaiman, dan dua orang mahasiswi Tahun 1 PPHT UNISSA. Dengan adanya peluang berkenaan, PPHT berusaha memberikan kesedaran kepada masyarakat terutamanya pengunjung-pengunjung ekspo berkenaan mengenai halal, syubah dan haram serta halalan thayyiban dan halal *non-thayyibat*.

Di samping itu, peserta permainan

***Halal Awareness Games* dedah mengenai halal, haram**



Antara pengunjung yang hadir semasa ekspo berkenaan.

juga dapat mengenali logo-logo halal yang diiktiraf oleh Majlis Ugama Islam Brunei dan sebaliknya.

Selain itu, Timbalan Pengarah PPHT Dr Zeiad Amjad Abdulrazzak Aghwan turut menyampaikan taklimat mengenai *Significance of Thayyiban Concept*

throughout The Halal Meat Supply Chain bersempena ekspo berkenaan pada 4 Disember lalu. Oleh itu, program-program seperti ini diharap dapat dilaksanakan lagi bagi membudayakan masyarakat bermaklumat dan sedar akan apa itu halal.